

# UMS-KAL menang Anugerah Dasar Penjimatan Utiliti Terbaik

UM 30.05.2012 26

LABUAN 29 Mei - Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) memenangi Anugerah Dasar Penjimatan Utiliti Terbaik sempena majlis Anugerah Kecemerlangan Staf UMS (Maksims) 2012 yang diadakan di Dewan Kuliah Pusat Akademik, UMS, Kota Kinabalu baru-baru ini.

Kumpulan TechKAL yang mewakili UMS-KAL turut memenangi pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) kategori teknikal sekali gus memenangi anugerah Inovasi Terbaik dan Ketua Kumpulan KIK Terbaik.

Selain itu, UMS-KAL menduduki tempat kedua Anugerah Laman Web Terbaik dan tempat ketiga bagi Pengurusan Kewangan Terbaik.

Pengarah UMS-KAL, Prof. Dr. Shariff Abdul Kadir Omang meraih tempat ketiga menerusi penerbitan buku UMS kategori Sains, Teknologi dan Perubatan serta Pensyarah Kanan, Sekolah Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan (SPKAL), Dr. Geoffrey Harvey Tanakinjal meraih Anugerah Inovasi Harapan.

Semua anugerah berkenaan disampaikan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Dr. Kamaruzaman Ampon.

Dalam ucapannya, Kamaruza-



**KAMARUZAMAN Ampon menyampaikan anugerah kepada Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Md. Tuah (kanan) sambil diperhatikan Abdullah Mohd. Said (empat dari kiri) dan Dr. Shariff Abdul Kadir Omang (kiri) pada Majlis Anugerah Kecemerlangan Staf UMS 2011 Labuan, baru-baru ini.**

man berkata, majlis itu diadakan sebagai tanda keprihatinan pihak pengurusan universiti di samping memberi pengiktirafan kepada kakitangan dan jabatan serta sekolah yang telah menunjukkan prestasi cemerlang tahun lalu.

Katanya, untuk meningkatkan

prestasi cemerlang dalam sesebuah organisasi, UMS memerlukan sistem penilaian yang komprehensif dan maklumat tepat untuk menilai usaha-usaha yang dilakukan oleh kakitangan, jabatan dan sekolah.

“Kakitangan perlu menyemai sikap yang betul dalam menjalankan

tanggungjawab seperti berfikiran positif, kreatif, berpandangan jauh dan mementingkan kualiti serta meningkatkan kemahiran dan kompetensi,” katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd. Said merangkap Pengerusi Jawatan-

kuasa Pelaksana Maksims 2011.

Seramai 1,425 pegawai, pensyarah dan kakitangan UMS termasuk UMS-KAL menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) dan Anugerah Inovasi serta Anugerah Perkhidmatan 10 Tahun bersama universiti berkenaan.